

Anwar bersama Ahmad Zahid dan Saifuddin Nasution merasmikan bas bergerak pada Himpunan MADANI Kedah di Dataran Stargate, malam kelmarin.  
(Foto Syaharim Abidin/BH)



# 'Saya tidak pernah arah tangkap orang'

**PM nafi berdendam, sengaja ambil tindakan terhadap pemimpin pembangkang**

Oleh M Hifzuddin Ikhsan  
hifzuddin@bh.com.my

**Alor Setar:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan beliau bersikap pendendam dan sengaja mahu mengambil tindakan ke atas pemimpin pembangkang yang kerap mengkritiknya.

Tegasnya, beliau tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan kepada mana-mana pihak berkuasa untuk menyiasat parti atau pemimpin tertentu semata-mata bagi tujuan politik.

"Saya dalam mesyuarat Jemaah Menteri, tak pernah arah suruh tangkap orang itu, siasat orang ini. Saya kata siapa ambil rasuah, tak peduli dari Pakatan Harapan (PH), PKR, UMNO, PAS, BERSATU, jika didapati ada salah, sila siasat, tangkap, dakwa, salah masuk penjara.

"Kita ambil tindakan semuanya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) siasat, ada bukti kita dakwa, tengok kes Jana Wibawa, kes tebatan banjir, tapi mereka kata saya dendam.

"Mereka cakap berdegar, cakap pasal hadis dan al-Quran, tapi pertahan orang yang ambil rasuah, kemudian kita yang ambil tindakan dipersalahkan, kata pendendam, aniaya rakyat, menganaktirikan negeri pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian pada Himpunan MADANI Kedah di

Dataran Stargate, di sini, yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, malam kelmarin.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, kerajaan pimpinannya terus menyalurkan peruntukan kepada negeri di bawah pembangkang, termasuk Kedah yang menerima tambahan peruntukan.

"Untuk Kedah, naik peruntukan, tapi ada yang pakai serban cakap Anwar ini menganaktirikan negeri pembangkang, itu cakap fitnah.

"Saya tahu apa erti fitnah, saya tahu apa erti sakit bila dipukul, saya tahu erti menderita hidup dalam lokap, makan tak cukup.

"Apa erti bila jadi Perdana Menteri, saya zalim pada orang? Saya kena pukul, saya masuk penjara, saya kena penjarakan kamu? Saya datang bukan untuk bermusuhan dengan sesiapa," katanya.

Berikutan itu, beliau meminta rakyat, terutama di Kedah dapat menyokong Kerajaan Perpaduan bagi memastikan dasar dibawa dapat mengangkat martabat rakyat dan negara.

"Takkan sebab buat majlis hari raya nak menang (atau) kalah pilihan raya kerana beri makan hari raya, dapat undi, tidak. Saya tidak mahu saudara saudari sokong saya sebab itu.

"Saya nak tunjukkan bawah pimpinan Islam, kita boleh tabir dengan baik dan tegakkan keadilan bagi semua rakyat negara kita.

"Saya harap anak muda di negara ini bawa juga perubahan ini, bukan dengan kebencian, tetapi dengan kasih sayang," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri ketika ditemui pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia MA-

DANI di sebuah hotel sini, semalam, memaklumkan tiada lagi papan iklan memaparkan imej beliau dan Kerajaan Madani akan dinaikkan selepas ini.

Anwar berkata, papan iklan terbabit sebelum ini dipasang tanpa persetujuan dan kelulusannya dengan menggunakan peruntukan lama diluluskan kerajaan terdahulu, tetapi kini beliau mahu peruntukan itu digunakan bagi tujuan yang lebih bermanfaat untuk rakyat.

"Dalam perjalanan sekitar Alor Setar semalam (kelmarin), saya diberitahu mengenai papan iklan Perdana Menteri dan Kerajaan Madani yang dipasang seluruh negara. Ia tidak mendapat persetujuan dan kelulusan saya.

"Saya sudah beritahu, tak payah keluar belanja ini dan dimaklumkan ini peruntukan lama. Oleh kerana pertukaran Perdana Menteri dan kerajaan, maka imejnya ditukar. Saya fikir peruntukan itu boleh digunakan untuk (tujuan) yang lain," katanya.

Katanya, beliau tidak menyalahkan agensi kerajaan yang bertanggungjawab memasang papan iklan berkenaan, namun mahu perkara berkaitan dimaklumkan kepadanya terlebih dahulu selepas ini.

"Jadi, saya arahkan semua papan iklan baharu dihentikan (pasang), kekal yang ada sahaja. Saya tak mahu ini diteruskan kerana ia tidak menunjukkan pendirian Kerajaan Madani.

"Pegawai yang pasang papan iklan ini (sebelum ini) hanya teruskan dasar sedia ada, kebetulan saya tak dimaklum.

"Oleh kerana (kini) saya sudah dimaklumkan, maka saya tidak mahu dana kerajaan digunakan untuk buat papan iklan besar. Cukuplah yang ada, tapi tidak boleh diteruskan," katanya.